

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai
Keluaran : Januari 2026
Tajuk : Cukai Pendapatan – Nadi Pembangunan Negara

Info Cukai

Oleh: HASIL



Cukai Pendapatan Nadi Pembangunan Negara

Dalam landskap ekonomi Malaysia yang semakin kompleks, hasil cukai pendapatan terus menjadi antara penyumbang terpenting kepada kestabilan fiskal negara. Setiap ringgit yang dikutip bukan sekadar angka dalam laporan kerajaan, sebaliknya merupakan modal sosial yang membolehkan kerajaan menyediakan perkhidmatan awam berkualiti, memperkukuh jaringan keselamatan sosial dan melaksanakan pembangunan strategik demi kesejahteraan rakyat.

Belanjawan MADANI 2026 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 10 Oktober 2025 mengunjurkan bahawa cukai pendapatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada hasil Kerajaan Persekutuan, iaitu sekitar 41.5 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil. Angka ini mengesahkan bahawa hampir separuh kekuatan fiskal negara bergantung pada keupayaan sistem percukaian yang diurus dengan cekap oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Selain itu, pencapaian tersebut juga mencerminkan pematuhan dan tanggungjawab pembayar cukai bagi membiayai aspirasi pembangunan negara.

Kewajipan Cukai sebagai Tanggungjawab Bersama

Pembayaran cukai bukan hanya tuntutan undang-undang, tetapi turut menjadi tanggungjawab moral dan sosial demi kemakmuran negara. Kefahaman rakyat mengenai manfaat hasil cukai yang kembali kepada mereka dalam bentuk kemudahan pendidikan, perkhidmatan hospital, infrastruktur moden, serta bantuan kepada golongan rentan mampu meningkatkan tahap kesedaran dan tahap pematuhan cukai.

HASiL memainkan peranan penting bagi memperkukuh kefahaman ini melalui komunikasi strategik dan program pendidikan cukai yang merangkumi pelbagai segmen masyarakat, termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Pendekatan tersebut membantu memupuk budaya integriti kewangan, sekali gus meningkatkan pematuhan sukarela dalam kalangan rakyat dan komuniti perniagaan.

Ketahanan Ekonomi Berasaskan Hasil Cukai

Ketidakstabilan ekonomi global, perubahan struktur pasaran dan peningkatan kos hidup menuntut kerajaan memiliki ruang fiskal yang kukuh. Hasil cukai pendapatan membolehkan perancangan jangka masa panjang dilaksanakan secara berhemah mampu mengurus defisit secara terkawal dan memastikan pelaburan pembangunan diteruskan tanpa kompromi.

Sistem cukai turut menjadi instrumen keadilan sosial melalui struktur kadar yang progresif. Golongan berpendapatan tinggi menyumbang lebih besar, sekali gus membantu menyediakan kemudahan dan

sokongan kepada golongan berpendapatan rendah. Model ini memperkukuh agenda pengagihan semula hasil negara dan memelihara perpaduan sosial.

Peranan Proaktif HASiL dalam Ekonomi Digital

Sebagai institusi strategik negara, HASiL terus memodenkan sistem percukaian selaras dengan perkembangan ekonomi digital. Pelaksanaan e-Invois merupakan antara reformasi terbesar yang menyokong ketelusan transaksi dan mengurangkan risiko ketirisan hasil. Setiap urusan niaga direkodkan secara sah pada masa nyata, memudahkan pematuhan cukai dan meningkatkan kecekapan proses audit.

Inisiatif pendigitalan turut diperkasakan melalui platform seperti MyTax, portal MyInvois dan aplikasi MyInvois e-POS yang memudahkan akses pembayar cukai kepada perkhidmatan berkaitan dengannya. Transformasi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan perkhidmatan, malah memperkukuh keyakinan awam terhadap integriti sistem percukaian negara.

Pada masa yang sama, HASiL mengekalkan keseimbangan antara pendidikan dan penguatkuasaan dengan libat urus. Pendekatan yang mesra pematuhan, tetapi tegas terhadap ketidakpatuhan disengajakan memastikan sistem percukaian negara kekal adil, telus dan berintegriti, sekali gus menjadi tunjang kemakmuran Malaysia yang mampan.

Cerminan Keberhasilan dan Kesejahteraan Negara

Kemajuan yang dinikmati negara pada hari ini seperti kemudahan sekolah, hospital, jaringan jalan raya, subsidi pendidikan, bantuan kebajikan, inisiatif pendigitalan, serta pelaksanaan agenda ekonomi hijau terhasil daripada sumber negara yang dipacu oleh kutipan hasil cukai. Keupayaan kerajaan mengekalkan kelangsungan perbelanjaan meskipun berdepan dengan ketidakpastian global membuktikan bahawa para pembayar cukai merupakan rakan pembangunan yang amat penting bagi memacu aspirasi Malaysia.

Mengukuhkan Kepercayaan dan Ketelusan

Keutuhan sistem percukaian sangat bergantung pada tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pemungut hasil. Oleh itu, HASiL terus memperkukuh tadbir urus menerusi ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti. Penambahbaikan sistem secara berterusan, serta pendekatan komunikasi dua hala yang lebih terbuka menjadikan HASiL antara agensi awam yang diyakini rakyat dan berprestasi tinggi bagi melaksanakan mandat percukaian negara.

Bersama-sama Menjunjung Amanah Negara

Cukai pendapatan merupakan nadi yang menggerakkan pembangunan negara dan menyokong kesejahteraan rakyat. Di sebalik setiap ringgit yang dibayar, tersimpan harapan untuk Malaysia yang lebih makmur, berdaya saing dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.

HASiL komited mengurus hasil negara dengan penuh integriti dan profesionalisme. Namun begitu, kejayaan sistem percukaian nasional hanya dapat dicapai dengan penyertaan aktif masyarakat.

Sebagai pembayar cukai yang bertanggungjawab, terdapat beberapa perkara yang perlu menjadi amalan. Setiap individu yang memenuhi syarat perlu melaporkan pendapatan dengan tepat, menunaikan tanggungjawab cukai dalam tempoh yang ditetapkan dan menyimpan rekod transaksi dengan teratur. Penggunaan e-Invois membantu memastikan setiap urusan niaga perniagaan direkodkan secara sah, manakala kemas kini maklumat melalui MyTax memudahkan urusan pematuhan. Jika memerlukan panduan, rujuk maklumat rasmi daripada HASiL sebelum membuat sebarang keputusan kewangan berkaitan dengan cukai.

Setiap tanggungjawab yang ditunaikan pada hari ini ialah pelaburan untuk masa hadapan negara. Dengan sistem percukaian yang kukuh, masyarakat yang beretika dan bertanggungjawab, Malaysia mampu terus mara sebagai negara yang sejahtera, progresif dan berdaya tahan.

Layari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut.